

Jenis Akhbar : Sinar Harian
Tarikh : 25/11/2021
Edisi / Muka Surat : Nasional / 20
Tajuk : Angkasa tawar hadiah RM34,000

Angkasa tawar hadiah RM34,000

Anjur pertandingan video pendek dan fotografi sempena Jubli Emas Angkasa ke-50

Oleh MUHAMMAD YUSAINY MOHAMAD YUNUS

PETALING JAYA

Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) menerawakkan hadiah bernilai RM34,000 menerusi Pertandingan Video Pendek dan Pertandingan Fotografi Kita Koperasi bersempena Sambutan Jubli Emas Angkasa ke-50.

Presiden Angkasa, Datuk Dr Abdul Fattah Abdullah berkata, pertandingan tersebut yang bertemakan 'Koperasi Kita Masyarakat Kita' itu dilaksanakan bermula 24 November hingga 31 Disember 2021.

"Tema ini seiring dengan konsep Keluarga Malaysia yang menekankan

kepada agenda kebersamaan dalam usaha memulihkan aktiviti ekonomi dan mobilisasi sosial serta bersifat inklusif merentasi sempadan agama, bangsa dan kaum," katanya pada majlis pelancaran Pertandingan Video Pendek dan Pertandingan Fotografi Kita Koperasi pada Rabu.

Dalam pada itu, beliau berkata, pertandingan itu meliputi subtema yang menggambarkan prinsip koperasi yang ketujuh iaitu 'Mengambil berat terhadap masyarakat' serta selari dengan agenda Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 2030.

"Subtema yang boleh dipilih oleh peserta adalah semangat kerjasama dan perpaduan antara koperasi dengan masyarakat; Pendidikan dan pembelajaran menerusi koperasi; Peranan dan manfaat koperasi kepada komuniti setempat; Peluang pekerjaan dan peningkatan taraf hidup; Koperasi membantu masyarakat setempat mendeperi pandemik Covid-19 dan Kelestarian alam sekitar menerusi koperasi," ujarnya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, johan pertandingan video pendek untuk setiap kategori akan menerima hadiah



Abdul Fattah (tiga dari kanan) ketika Majlis Perasmian Pertandingan Video Pendek dan Pertandingan Fotografi Kita Koperasi pada Rabu.

wang tunai sebanyak RM5,000 berserta sijil manakala johan bagi pertandingan fotografi bagi setiap kategori pula akan menerima hadiah wang tunai RM1,500 berserta sijil.

"Terdapat dua kategori yang diperlombakan bagi setiap pertandingan iaitu kategori sekolah bagi mereka yang berumur 13 hingga 17 tahun dan kategori terbuka bagi mereka yang berumur 18 tahun ke atas.

"Pertandingan Video Pendek menerawakkan sijil dan wang tunai sebanyak

RM5,000 untuk juara, RM3,000 bagi naib juara dan RM1,500 untuk tempat ketiga dan menariknya, hadiah pilihan awam akan mendapat RM3,000.

"Bagi pertandingan fotografi RM1,500 untuk juara, RM1,000 bagi naib juara dan RM800 tempat ketiga manakala hadiah pilihan awam RM500," katanya.

Beliau berkata, maklumat lanjut mengenai pertandingan boleh didapati di laman web rasmi Jubli Emas Angkasa www.angkasa50.coop.

Perpustakaan Koperasi
Malaysia ANGKASA